

Soalan Lazim Cabutan Bertuah

1. Apakah Kempen Cabutan Bertuah PERWIRA Super App?

Kempen Cabutan Bertuah ini merupakan acara istimewa untuk pengguna Aplikasi PERWIRA yang berpeluang memenangi hadiah menarik dengan mendaftar dan menggunakan aplikasi antara **20 September 2025 hingga 31 Disember 2025**.

2. Siakah yang layak menyertai Cabutan Bertuah ini?

Kempen ini terbuka kepada semua **Anggota Pertahanan MINDEF, Penjawat Awam, dan Veteran** yang telah **memuat turun dan mendaftar** akaun di Aplikasi PERWIRA Super App.

3. Bilakah kempen ini bermula dan berakhir?

- **Tempoh Awal (Early Bird):** 20 September 2025 – 19 Oktober 2025
- **Tempoh Utama Kempen:** 20 September 2025 – 31 Disember 2025
- **Tarikh Cabutan Bertuah:** Akan Diumumkan (TBA)

Tarikh rasmi cabutan akan dimaklumkan sebaik sahaja disahkan.

4. Bagaimanakah cara untuk menyertai Cabutan Bertuah ini?

Pengguna akan **secara automatik menerima tiket cabutan bertuah** apabila mereka **mendaftar dan membuat pembelian** sepanjang tempoh kempen.

Kategori	Tindakan	Tiket Diterima
Early Bird	Daftar dalam tempoh 4 minggu selepas pelancaran.	2 tiket
Kempen Utama (Normal)	Mendaftar antara 20 Sept – 31 Dis	1 tiket
Bonus	Pembelian pertama RM100 – RM199 di Kedai PERNAMA	1 tiket
Bonus	Pembelian pertama RM200 dan ke atas di Kedai PERNAMA	2 tiket

5. Berapa banyak tiket yang boleh saya peroleh secara keseluruhan?

- Sehingga **4 tiket** di bawah kategori *Early Bird*.
- Sehingga **3 tiket** di bawah kategori *Normal* (termasuk tiket bonus).

Setiap peserta hanya boleh menyertai di bawah **satu kategori sahaja** (*Early Bird* atau *Normal*).

6. Adakah saya perlu mengemukakan apa-apa secara manual untuk menyertai?

Tiada penghantaran diperlukan. Sistem akan **menjejak dan mengira penyertaan anda secara automatik** berdasarkan pendaftaran dan aktiviti pembelian anda.

7. Bilakah pemenang akan diumumkan?

Pemenang akan diumumkan **pada minggu terakhir Januari 2026** di **laman web rasmi PERWIRA Super App**.

8. Bagaimanakah pemenang akan dipilih?

Semua peserta yang layak akan dimasukkan ke dalam **sistem cabutan bertuah elektronik** yang dipantau oleh penganjur. Pemenang akan dipilih secara rawak dan adil.

9. Bagaimanakah pemenang akan dihubungi?

Pemenang akan dihubungi melalui **maklumat hubungan yang didaftarkan dalam aplikasi PERWIRA**. Jika pemenang tidak dapat dihubungi selepas **tiga (3) percubaan pada hari yang sama**, seorang **pemenang gantian** akan dipilih.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya menang?

Pemenang mesti menuntut hadiah dalam tempoh **14 hari kalendar** dari tarikh pemberitahuan. Dokumen pengenalan (IC atau kad perkhidmatan) mungkin diperlukan untuk tujuan pengesahan.

11. Apakah yang berlaku jika saya memberikan maklumat hubungan yang salah?

Jika maklumat hubungan anda tidak betul dan kami tidak dapat menghubungi anda selepas **tiga (3) percubaan**, hadiah anda akan diberikan kepada pemenang gantian.

12. Apakah hadiah yang boleh saya menangi?

Terdapat dua kategori hadiah:

Untuk Anggota Pertahanan MINDEF & Penjawat Awam (54 pemenang)

Termasuk: Perodua Bezza, Yamaha Y15ZR, peranti Samsung Galaxy, peti sejuk Elba, dan lain-lain.

Untuk Veteran (41 pemenang)

Termasuk: pakej umrah, kerusiurut, penapis udara, periuk nasi, dan lain-lain.

13. Bolehkah seorang peserta memenangi lebih daripada satu hadiah?

Setiap pemenang hanya berhak kepada **satu (1) hadiah sahaja**, walaupun mereka mempunyai penyertaan berganda.

14. Bolehkah saya memindahkan atau menukar hadiah saya?

Tidak. Hadiah **tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar** dengan wang tunai atau barangan lain.

15. Bilakah Cabutan Bertuah akan diadakan?

Tarikh tepat **akan diumumkan tidak lama lagi**. Sila maklumkan pelanggan untuk sentiasa **mengikuti PERWIRA Super App** atau saluran rasmi bagi mendapatkan kemas kini.

16. Bagaimana jika kempen ditangguhkan atau dibatalkan?

PERWIRA berhak untuk **mengubah, menangguhkan, atau menamatkan** kempen dengan **notis sekurang-kurangnya 21 hari**. Peserta tidak layak menerima sebarang pampasan atas sebarang perubahan.

17. Siapa yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau sebarang isu?

Pengguna boleh menghubungi melalui:

Emel: enquiries@perwira.com.my

Saluran rasmi: melalui **bahagian Bantuan dalam PERWIRA Super App**

18. Adakah maklumat peribadi saya selamat?

Ya. Dengan menyertai, pengguna bersetuju bahawa data mereka digunakan semata-mata untuk **pengurusan kempen dan aktiviti pemasaran** selaras dengan Dasar Privasi PERWIRA Super App.

19. Bolehkah pengguna bukan MINDEF menyertai?

Tidak. Cabutan Bertuah ini **eksklusif untuk Anggota Pertahanan MINDEF, Penjawat Awam, dan Veteran.**

20. Apa yang perlu ejen CX lakukan jika pengguna bertanya tentang tarikh cabutan?

Gunakan skrip ini:

“Tarikh Cabutan Bertuah belum diumumkan, tetapi akan dikongsikan tidak lama lagi melalui saluran rasmi dan dalam PERWIRA Super App. Sila nantikan kemas kini.”